

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 08 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah permohonan bagi Program Subsidi Upah 3.0 dan 4.0 (PSU 3.0 dan PSU 4.0) dan jumlah permohonan yang diluluskan termasuk wang yang disalurkan sehingga kini berbanding PSU 1.0 dan PSU2.0

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, jumlah permohonan majikan untuk **Program Subsidi Upah 3.0 dan 4.0** sehingga 31 Oktober 2021 adalah sebanyak **236,721** permohonan. Jumlah permohonan yang diluluskan adalah sebanyak **203,602** yang melibatkan bayaran keseluruhan sebanyak **RM4.69 bilion**.

Manakala bagi permohonan **Program Subsidi Upah 1.0 dan Program Subsidi Upah 2.0**, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak **340,071** permohonan. Jumlah permohonan yang diluluskan adalah sebanyak **327,355** dengan bayaran sebanyak **RM14.22 bilion**.

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan sehingga **5 November 2021** adalah sebanyak **RM18.91 bilion**.